

07/06/2002

Detik permulaan cari kedamaian, perpaduan

Khaidir Abdul Majid

VATICAN CITY, Khamis - Vatican menganggap pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di sini esok, amat penting ke arah mencari kedamaian dan perpaduan dunia.

Pegawai Vatican, Ciro Benedettini memberitahu wartawan Malaysia di sini hari ini, pertemuan Perdana Menteri dengan ketua gereja katolik itu memang dinanti-nantikan.

Vatican, katanya, memang berminat mengadakan dialog antara agama, lebih-lebih lagi dengan Islam, agama yang mempunyai jumlah penganut terbesar.

Beliau berkata, dialog sedemikian sangat berfaedah kerana mampu meningkatkan persefahaman antara agama.

"Kita menganggap ia amat penting dan juga istimewa kerana ia pertama kali di antara Pope dan Dr Mahathir," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di Naples, Itali, kira-kira 200 kilometer dari sini pagi ini akan tiba di Rome pagi esok untuk pertemuan dengan Pope.

Pertemuan itu adalah atas jemputan Pope. Vatican City adalah negara bebas di tengah kota Rome yang ditadbir oleh Pope dan jawatankuasa kardinalnya.

Setibanya di kawasan Vatican, Perdana Menteri dijangka terus mengadakan pertemuan empat mata dengan Pope. Pertemuan yang akan diadakan tanpa bantuan penterjemah kerana Pope boleh bertutur dalam lapan bahasa, dijangka diadakan dalam bahasa Inggeris.

"Tidak ada seorang pun akan berada dalam perpustakaan yang mana pertemuan kedua-dua pemimpin itu akan berlangsung.

"Ia adalah suatu perbincangan antara kedua mereka dan kita sendiri di Vatican tidak tahu perkara yang akan disentuh.

"Mereka boleh berbincang mengenai apa saja dan mengambil masa seberapa lama yang mereka suka," kata Benedettini.

Mengikut jadual, pertemuan di perpustakaan persendirian Pope itu akan berlangsung kira-kira 20 minit. Selepas pertemuan itu, Dr Mahathir dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Vatican, Kardinal Angelo Sodano dan Setiausaha Perhubungan dengan negara luarnya, Archbishop Jean-Louis Tauran.

Dr Mahathir kemudian dijangka melawat Sistine Chapel, dewan yang dihias lakaran pelukis Florence, Michaelangelo pada dinding dan silingnya. Dewan itu juga menjadi lokasi kardinal berhimpun untuk memilih Pope jika berlaku kekosongan.

Selepas menamatkan kunjungannya ke Vatican, Dr Mahathir akan menunaikan solat Jumaat di Pusat Budaya Islam di Rome, sebelum berlepas semula ke Naples.

(END)